

Iktiraf sumbangan kakitangan cemerlang, banyak berjasa

209 warga USIM terima AKI

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 9 Julai - Seramai 209 kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima anugerah dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi (AKI) USIM 2012, dekat sini baru-baru.

Pengerusi Lembaga Pengarah universiti, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin berkata, anugerah itu sebagai mengiktiraf sumbangan kakitangan akademik, pengurusan termasuk sokongan yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang kepada universiti sepanjang tahun lalu.

Menurutnya, pengiktirafan itu selaras dengan dasar transformasi negara ke arah membudaya tenaga kerja berprestasi tinggi dan berinovasi.

"Kakitangan akademik, pengurusan serta sokongan telah banyak menabur jasa terhadap pembangunan universiti ini. Justeru saya mencadangkan jumlah penerima dan ganjaran yang diberikan ini ditambah lagi pada masa hadapan.

"Malah imej, persepsi dan harapan masyarakat terhadap USIM sudah melonjak setiap tahun. Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab warganya untuk sentiasa berusaha memenuhi harapan ini," katanya ketika berucap pada majlis



ASMA Ismail (depan, empat dari kiri) dan Abdul Shukor Husin (depan, lima dari kiri) bersama sebahagian penerima Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi (AKI) USIM 2012 di Sepang, Selangor, baru-baru ini.

anugerah tersebut, baru-baru ini.

Dalam majlis tersebut sebanyak 15 anugerah diberikan antaranya Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (108 penerima), Anugerah Terpuji (67), Anugerah Pengajar Cemerlang (9) dan Anugerah Penerbitan (9).

Anugerah lain termasuk Anuge-

rah Penyelidikan (4), Anugerah Staf Contoh Tahunan (4), Anugerah Pentadbir Cemerlang (1), Anugerah Khidmat Masyarakat (1), Anugerah Inovasi dan Rekacipta (3) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Istimewa (3).

Dalam pada itu, Fakulti Sains dan

Teknologi (FST) serta Jabatan Perpustakaan mengungguli Anugerah Kualiti Naib Canselor pada AKI 2012.

Sementara itu, Timbalan Dekan FST, Prof. Madya Dr. Norita Md. Norwawi dipilih sebagai Tokoh Hasanul Mudir 2012.

Kesemua penerima menerima

hadiah dalam bentuk wang tunai, sijil simpanan premium dan sijil penghargaan.

Turut hadir Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dan bekas Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda yang turut menerima Anugerah Sumbangsih.